

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KESATUAN : RASULULLAH SAW SEBAGAI RUJUKAN UMMAH

Mukadimah

Alhamdulillah, segala puji hanya bagi-Nya. Selawat dan salam ke atas Baginda SAW, keluarga, sahabat dan pengikutnya. Alhamdulillah atas kurniaan pelbagai nikmat yang tidak terkira. Sesungguhnya kita masih lagi merasai ruh sambutan Maulid al-Rasul dalam menzahirkan cinta kita kepadanya dengan berselawat dan mengkaji sirahnya yang disampaikan oleh para ulama' dan tokoh untuk dihayati oleh kita semua.

Pada Bayan Linnas Siri 10 ini, sengaja saya memilih tajuk KESATUAN : RASULULLAH SAW SEBAGAI RUJUKAN UMMAH tidak lain tidak bukan, untuk kita merasa semula 'izzah dan kemuliaan berdasarkan pencapaian oleh Para Sahabat terdahulu dan generasi yang telah memahat sejarah Islam yang unggul. Dengan mengimbang saat kegemilangan Islam, dunia akan merasa aman dan tenang. Sebaliknya, apabila Islam cuba dileburkan oleh Tartar pada 656H dengan tumbangnya Khilafah Abbasiyah yang menyebabkan umat Islam berselerak dan berpecah tetapi sisa-sisa dan baki kekuatan dibangkitkan lagi dengan Khilafah yang muncul selepas itu, berakhir dengan Khilafah Uthmaniyyah.

Hadangan dan Halangan Penyatuan

Maka di sini elok rasanya kita menekuni hadangan dan rintangan apa yang dihadapi oleh umat Islam masakini. Antaranya :

- Keadaan tenang dan lemah berlaku pada kebanyakan umat Islam yang menatijahkan perpecahan.
- Di sana terdapat hubungan yang terlalu sensitive antara kesatuan dan kebebasan sehingga kadangkala membawa pertentangan sedangkan jika diamati, keduanya saling memerlukan dalam membina kekuatan individu dan jama'ah. Tambahan pula mengikut perasaan dan tunduk kepadanya menjadi penyebab utama kearah perpecahan berdasarkan catatan sejarah bahkan penyebab kepada perceraian suami isteri.
- Keperluan kesatuan Islam berdasarkan kepada kebolehan untuk menzahirkan kekuatan yang baik pada segenap peribadi Ummah sehingga kesatuan ini memohon supaya berlaku tolak ansur dan toleransi dalam mentahqiqkan matlamat utama ini sehingga memerlukan kepada pengorbanan.
- Perbezaan ketara daripada sudut pendapat dan ekonomi di mana jurangnya begitu melebar menjadikan kesatuan satu perkara yang tidak mudah. Sebagai bukti, urusan perniagaan sesama negara Islam tidak melebihi 4% berbanding 96% dengan

negara bukan Islam.

- Dari sudut pendidikan amat berbeza sehingga ramai dalam kalangan umat Islam terutamanya negara yang miskin tahap pendidikan mereka pada kebanyakan rakyat teramat rendah.
- Umat Islam mutakhir ini kehilangan benih kekuatan dalam membina kesatuan dan mengukuhkannya. Hal ini menjadi penghalang sehingga dilihat begitu sukar.

Inilah sebahagian daripada penghalang ke arah kesatuan. Selepas bermulanya kebangkitan Islam di zaman moden dan pada masa yang sama, dilihat tunas-tunas kebangkitan pemikiran Islam telah mula tumbuh kembali. Dan isu yang perhatian di kalangan ramai tokoh muslih adalah 'perselisihan pandangan' kerana mereka memahami isu ini perlu difahami dan dicari penawarnya dengan kadar segera agar kebangkitan Islam berjalan lancar. Antara salah seorang tokoh muslih moden yang berusaha merungkai persoalan ini dan mengutarakan penawarnya ialah Badiuzzaman Said Nursi.

Bermulanya abad ke 20M, Badi'uzzaman Sa'id Nursi mengamati secara mendalam permasalahan perselisihan di kalangan umat Islam untuk mencari punca sebenar permasalahan. Di dalam Maktubatnya, Nursi menimbulkan persoalan; Soalan yang penting dan amat menghairankan, kenapa boleh berlaku perselisihan di kalangan orang yang beragama, ulama' dan shaykh-shaykh tarekat sufi sedangkan mereka adalah golongan yang benar, bersatu dan berkasih sayang sehingga masing-masing berlumba-lumba dan bercakaran. Pada masa yang sama, ahli-ahli dunia dan mereka yang lalai, bahkan termasuk juga golongan yang sesat dan nifaq, sesama mereka tidak pula berlaku percakaran dan hasad dengki.

Hakikatnya, kesepakatan adalah sifat golongan yang bersatu dan berkasih sayang dan perselisihan pula adalah sifat yang biasanya wujud di kalangan munafik dan mereka suka bersengketa. Bagaimana boleh terjadi perubahan antara yang benar dan yang batil sehingga 'yang benar' berada di pihak ini (ahli dunia) dan 'yang batil' pula di pihak itu (ahli agama). Di dalam al-Khutbah al-Shamiyyah, Bad'iuzzaman Sa'id Nursi melahirkan rasa kesedihannya di atas perselisihan, perbalahan dan perpecahan umat Islam yang disifatkannya sebagai 'suka bermusuh' dan 'jahil terhadap ikatan ruhani antara mukmin'. Situasi begini menurutnya adalah kejumudan serta kemunduran umat Islam.

Penyelesaiannya

Antara penyelesaiannya yang terbaik adalah kembali kepada ajaran dan suruhan agama dengan sepenuhnya. Bacalah sejarah bagaimana Rasulullah SAW dapat menyatukan antara Aus dan Khazraj, Ansar dan Muhaajirin dan pelbagai kabilah yang pernah dengan ketaksuban, kemudian digugurkan sifat-sifat mazmumah dan digantikan dengan sifat-sifat mahmudah dan kesatuan.

ciptaan Allah yang lain. Insan yang berjaya dalam pengalaman kerohanianya ini akan membentuk umat Islam yang selaras dengan kehendak Islam dimana mereka mempunyai sifat-sifat terpuji (mahmudah) seperti sentiasa berusaha menyempurnakan keimanan kepada Allah, berusaha melaksanakan ibadah fardhu sebaik mungkin, berusaha berakhlak terpuji, serta berusaha menjauhi akhlak keji, berusaha melaksanakan amalan sunat dan fadha'il seperti berzikir dan berwirid dengan zikir dan wirid yang ma'thur serta mempunyai wasilah rohani, membaca al-Qur'an dengan tadabbur, qiyamullail, mengunjungi masjid dan lain-lain.

Penutup

Sengaja saya kemukakan di sini satu pesan ulama' yang jika dihayati boleh menginsafkan kita.

Maulana Abu al-Hasan Ali al-Nadwi berucap dalam satu muhadharah yang bertajuk : "Isma'i Ya Arab (Dengarlah Daripada Secara Jelas Wahai Bangsa Arab)". Antaranya beliau berkata:

"Kalau dihimpunkan kepadaku semua orang Arab dalam satusaf nescaya aku mampu menghala wajahku kepada mereka, berpidato sehingga didengar oleh telinga mereka, dan disedari oleh hati mereka. Aku akan berkata, 'Hai pemimpin, sesungguhnya Islam yang dibawa oleh penghulu kita, Nabi Muhammad SAW, yang berbangsa Arab merupakan tempat rujukan bagi kehidupan kamu dan dari ufuknya terpancar cahaya kebenaran."

"Nabi kamu merupakan sumber kemuliaanmu dan penyebab namamu dimuliakan. Setiap yang baik datang kepadamu bahkan seluruh ala hanya melalui jalannya, caranya, dan tangannya. Allah SWT enggan untuk memuliakan kamu kecuali dinasabkan kepadnya, berpegang dengan talinya, bersama-sama dengan risalahnya, beristiqamah pada jalan agamanya dan tiada yang dapat menolak ketentuan Allah serta mengubah kalimah Allah."

"Seterusnya dialah yang membangkitkan risalah Islam sebagaimana generasi pertama. Dialah yang membebaskan alam yang penuh dengan kezaliman daripada cakaran kuku-kuku orang gila Barat yang enggan kecuali menguburkan kemodenan, memusnahkan keinsanan dengan sekali pukulan yang membawa watak keegoan, takbur dan kejahilan mereka. Dialah yang mengemudi alam dan menerajuinya daripada kehancuran ke arah kegemilangan, tidak sistematik dan cacamarba kepada disiplin, kemajuan, keamanan dan keselamatan, dan daripada kufur dan taghut kepada taat dan iman."

"Sesungguhnya menjadi hak dan kewajipan kepada dunia Arab untuk menjawab dihadapan Tuhan mereka tentang tanggungjawab tersebut. Maka tunggu lah dengan apakah dia akan menjawab?"



Marilah sama-sama kita mengangkat tangan dan menadah tangan berdoa kepada Allah agar Allah mengurniakan hati-hati kita yang selamat daripada sebarang sifat mazmumah dan keji. Firman Allah :

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلَا حُوَانِا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلَّا لِلَّذِينَ
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya : "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan Rahmat-Mu".

Akhukum Fillah

Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri
Mufti Wilayah Persekutuan